

Paras air meningkat: Luas

SHAH ALAM - Takungan Empangan Sungai Selangor meningkat kepada 61.69 peratus iaitu sebanyak 141.88 juta meter padu dengan ketinggian 204.35 meter sehingga semalam.

Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Md Khairi Selamat berkata, takungan empangan itu meningkat pada 12 Oktober lalu kepada tahap 52.20 peratus iaitu sebanyak 120.06 juta meter padu pada ketinggian 199.4 meter.

"Pada 11 Oktober, kapasiti Empangan Sungai Selangor menyusut sehingga tahap 52.02 peratus iaitu sebanyak 119.65 juta meter padu pada ketinggian air 199.3 meter.

"Namun, ia masih di atas paras kritikal 184.63 meter. Ini juga keadaan operasi biasa empangan pada musim kering (Monsun Barat Daya) iaitu pada Mei sehingga September, di mana jumlah pelepasan air di empangan tinggi daripada biasa untuk memenuhi permintaan Loji Pembersihan Air (LPA)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menurutnya, pelepasan air dari Empangan Sungai Selangor mula dikurangkan

kerana air sungai mencukupi untuk keperluan terutamanya LPA.

"Pelepasan air dari empangan pada 11 Oktober lalu sebanyak 521.3 juta liter dan mula dikurangkan kepada 317.73 juta liter pada 12 Oktober. Pelepasan pada 6 November pula adalah sebanyak 88.751 juta liter.

"Baki aliran di Baraj Bestari Jaya pada 6 November ini adalah 21954 juta liter. Bacaan harian baki aliran ini tinggi berbanding jumlah minima keperluan aliran sebanyak 300 juta liter. Ia mampu memenuhi keperluan LPA bagi rawatan bekalan air," katanya.

Menurutnya, keadaan itu adalah masa paling sesuai untuk meningkatkan kapasiti takungan empangan selain kuantiti hujan di dalam kawasan tadahan empangan.

Katanya, kawasan tadahan empangan mula menerima hujan Monsun Timur Laut yang bermula dari November sehingga Mac.

"Jumlah hujan bagi minggu lepas 29 Oktober sehingga 4 November ini lebih tinggi iaitu 74.4 milimeter berbanding jangkaan 32.6 milimeter.

"Jangkaan hujan bagi tempoh minggu ini iaitu 5 November sehingga 11 November 2012 adalah 58.6 milimeter," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan arah aliran tahunan dan data sejarah hujan jangka panjang 30 tahun, takungan Empangan Sungai Selangor dijangka kembali penuh (100 peratus) pada April 2013.

Empangan Sungai Selangor adalah empangan kawalan yang mampu menampung kapasiti air 235 juta meter padu dengan ketinggian air maksimum 220 meter.

Jumlah kapasiti kritikal Empangan Sungai Selangor adalah pada tahap 30 peratus iaitu sebanyak 69 juta meter padu.

Empangan itu membekalkan air untuk dirawat di tiga LPA utama iaitu LPA Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), LPA Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2) dan LPA Bukit Badong (SSP3). LPA Rasa dan LPA Rantau Panjang juga menerima bekalan air untuk dirawat.

Empangan Sungai Selangor menyumbangkan 60 peratus bekalan air ke sekitar Lembah Klang.